

**TEKS UCAPAN PERASMI: YBHG. DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
(WAKIL YB. DATO' TIMBALAN PENDIDIKAN TINGGI)
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH SUKAN (MAS) 2022 PADA 18 MAC 2022 JAM 8.00 MALAM
BERTEMPAT DI DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR, UiTM**

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera

1. Terlebih dahulu saya mewakili YB. Dato' Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM atas kesudian menjemput saya ke MAJLIS ANUGERAH SUKAN UiTM 2022. Saya turut memanjatkan rasa bersyukur kepada Allah SWT, kerana kita semua dapat bersama-sama dalam majlis untuk menghargai usaha para atlet, warga sukan UiTM, para jurulatih dan pengurusan pasukan. Semoga majlis ini sentiasa diberkati Allah swt dan berjalan lancar selepas hampir 2 tahun tidak dapat diadakan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya begitu maklum, UiTM bukanlah nama yang asing di dalam arena sukan negara kerana atlet dan pasukan UiTM melalui pelbagai jenis sukan sering terpampang di dada akhbar mengenai kemenangan dan pencapaiannya dalam pertandingan yang disertai. Kita akui atlet UiTM bukan sahaja melibatkan diri di peringkat kebangsaan bahkan turut menganggotai skuad negara di kejohanan antarabangsa

seperti Sukan Komanwel, Sukan SEA, dan pelbagai lagi Kejohanan antarabangsa dengan meraih pingat-pingat kejayaan.

3. Saya juga sedia maklum atas pencapaian yang baik oleh pasukan bola sepak UiTM, pasukan ragbi dan pasukan hoki yang terlibat secara konsisten di dalam liga kebangsaan. Penglibatan ini jelas membuktikan bahawa UiTM bukan sekadar menyertainya bahkan serius untuk terus bersaing mencabar pasukan-pasukan utama.
4. Saya sedia maklum, pencapaian sukan UiTM sangat membanggakan dan pencapaian gemilang ini adalah hasil kerjasama semua pihak samada atlet, jurulatih, pengurusan pasukan dan juga pengurusan Universiti.
5. Berdasarkan pencapaian serta statistik bilangan atlet negara di universiti awam dalam negara, dapatlah disimpulkan bahawa Universiti bukanlah kubur kepada atlet tetapi tempat untuk menimba ilmu akademik dan ilmu dalam bidang sukan. Selain itu universiti turut memainkan peranan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet kebangsaan melalui kajian dan penyelidikan saintifik sains dan teknologi untuk meningkatkan prestasi atlet dan pasukan negara.
6. Saya percaya program pembangunan yang disediakan kepada para atlet UiTM bukan sekadar pembangunan fizikal semata-mata, bahkan untuk membentuk ' Thinking Athlete' supaya mereka menjadi atlet yang bijak mengurus diri secara profesional sebelum, semasa dan juga selepas pertandingan. Atlet yang bijak biasanya lebih tenang mengawal emosi dan juga cekap merancang strategi ketika menghadapi lawan di dalam pertandingan. Selain itu atlet yang bijak tahu merancang

gaya hidup yang bersesuaian dengan peranan sebagai pelajar dan juga sebagai atlet terutama apabila perlu menghadiri ke kelas, latihan sukan dan juga pertandingan. Pembahagian masa perlu dibuat dengan penuh berdisiplin supaya atlet pelajar ini boleh berjaya di dalam akademik dan sukan.

7. Saya juga percaya, pensyarah UiTM amat fleksibel dalam menangani situasi atlet pelajar. Mereka merupakan individu istimewa yang telah mengorbankan masa dan jiwa mereka dalam sukan yang diceburi. Terpaksa mematuhi jadual latihan dan pertandingan yang ketat, atlet ini mungkin berhadapan dengan kekangan untuk memberikan komitmen dalam akademik seperti pelajar sepenuh masa. Namun, dengan sokongan yang diberikan ia tidak mustahil berlaku. Dengan sistem pembelajaran yang fleksibel juga, pastinya atlet pelajar ini berpeluang mengatasinya dan dapat memberikan komitmen dalam akademik dan sukan samada latihan mahupun pertandingan.

Hadirin sekalian,

8. Saya juga melihat usaha UiTM menjalinkan kerjasama dengan agensi luar bukan sahaja melibatkan sumbangan tajaan malah sokongan kepakaran demi melaksanakan program-program pembangunan sukan UiTM. Dengan sokongan sebegini, usaha pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan sukan di UiTM akan berjalan dengan lebih lancar seterusnya menyumbang kepada pencapaian sukan negara.
9. Saya berharap agar UiTM akan sentiasa meneruskan momentum pencapaian yang cemerlang di dalam bidang sukan khususnya di persada sukan Negara.

10. Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para atlet UiTM, pihak pengurusan sukan, pihak UiTM dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

11. Dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirahim**', saya mewakili **Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi** merasmikan **MAJLIS ANUGERAH SUKAN UiTM 2022**.